

Jantina dan Seksualiti

Pengantar

Isu disforia jantina memberi kesan kepada masyarakat dan setiap institusi sosial, termasuk Gereja, perkahwinan, pendidikan, kerajaan, dan sebagainya. Sejak abad ke-19, gerakan liberalisasi seksual telah mula berkembang. Matlamat ini pada mulanya terhad kepada agenda feminis, di mana kempen dilakukan untuk memperjuangkan hak dan kedudukan wanita dalam masyarakat. Lama-kelamaan, gerakan sosial ini berkembang untuk mengartikulasikan penerimaan identiti seksual atau sosial lain, seperti LGBTQIA+ (Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender, Queer atau Persoalan Identiti (Questioning), Interseks, dan Aseksual/Aromantik, dll).

Walaupun Malaysia menjenayahkan hubungan seksual sejenis, beberapa pihak tempatan telah berusaha untuk memperjuangkan layanan yang adil atau mengesahkan jantina selain lelaki dan perempuan. Terdapat juga kebimbangan dalam kalangan komuniti Kristian tentang sama ada gereja di Malaysia akan mengadaptasi perkembangan semasa yang mentakrifkan semula jantina dan pandangan mengenai perkahwinan.

Kertas kajian ini akan terlebih dahulu menyatakan pendirian yang dipegang oleh persekutuan Assemblies of God Malaysia. Bahagian berikut artikel ini akan memberikan perbincangan tambahan untuk membantu pastor tempatan menangani isu ini dalam kalangan jemaat mereka.

Definisi

Kajian ini akan menggunakan terminologi berikut bersama definisi yang telah dinyatakan.

Homoseksual/Gay	Merujuk kepada seseorang yang mengenal pasti dirinya mempunyai orientasi seksual terhadap individu daripada jantina yang sama.
Jantina	Merujuk kepada keadaan fizikal lelaki dan perempuan.
Interseks	Merujuk kepada individu dengan tubuh yang mempunyai ketidaksepadanan antara alat kelamin lelaki dan perempuan.
Tarikan Sesama Jantina (SSA)	Merujuk kepada tarikan seksual terhadap individu yang sama jantina.
Perilaku Sesama Jantina (SSB)	Merujuk kepada aktiviti seksual terhadap individu yang sama jantina.

Pendirian AG Malaysia

1. Tuhan mencipta manusia menurut gambaran-Nya. Tuhan menciptakan mereka lelaki dan perempuan.
2. Lelaki dan perempuan berbeza secara seksual tetapi mempunyai martabat peribadi yang sama rata.
3. Perkahwinan ialah penyatuan antara seorang lelaki dan seorang perempuan.
4. Dosa adalah akar segala anomali dalam keadaan manusia.
5. Bentuk-bentuk penyatuan lain adalah berdosa dan dilarang, termasuk sodomi, poligami, dan poliamori.
6. Aktiviti seksual di luar perkahwinan adalah dilarang dan dilihat berdosa.
7. Perilaku sesama jantina adalah berdosa, walaupun dalam hubungan monogami sesama jantina.
8. Tuhan tidak memberikan keinginan sesama jantina. Ia adalah akibat daripada kejatuhan manusia. Tarikan sesama jantina harus ditegah, seperti mana bentuk tarikan bernaafsu lain juga perlu ditegah.
9. Keselamatan tersedia bagi mereka yang telah melakukan perilaku sesama jantina atau apa-apa jenis dosa lain, jika mereka bertaubat dan percaya kepada Yesus.
10. Manusia yang dilahirkan dengan ketidaknormalan biologi seksual (interseks). Mereka tetap diciptakan menurut gambar Tuhan dan berhak mendapat martabat peribadi yang sama rata.
11. Orang yang dikenali sebagai interseks mungkin tidak dapat memilih jantina mereka. Mereka yang bergumul dengan tarikan sesama jantina mungkin tidak dapat menyepadukan pilihan seksual mereka dengan jantina biologi mereka. Akhirnya, mereka akan menemukan pemulihan seksual dalam tubuh kebangkitan.
12. Mereka yang bergumul dengan disforia jantina tidak sepatutnya didiskriminasi. Mereka harus dijaga dan dikasihi seperti orang lain, menuju kepada kesempurnaan dalam Yesus Kristus.
13. Ada harapan dan kebebasan dalam Kristus daripada belenggu keinginan seksual yang berdosa untuk hidup dalam kesucian dan kesempurnaan.

Respons Alkitabiah terhadap Soalan Lazim

1. Soalan: Sebahagian para penyokong homoseksual berhujah bahawa catatan penciptaan (Kejadian 1-2) tidak bercakap tentang jantina. Jantina adalah satu konstruk sosial yang dikenakan oleh masyarakat terhadap individu. Ia tidak terikat kepada organ seksual semasa kelahiran. Tambahan pula, terdapat individu yang dilahirkan dengan kedua-dua organ seksual lelaki dan perempuan. Mengapa orang Kristian mahu menghadkan jantina binari kepada lelaki dan perempuan? Mengapa menghadkan ikatan perkahwinan kepada penyatuan lelaki dan perempuan?

Kejadian 1:27 mengatakan, “Maka Allah menciptakan manusia menurut gambar-Nya; menurut gambar Allah diciptakan-Nya dia; lelaki dan perempuan diciptakan-Nya mereka.” (AVB). Gambaran lelaki dan perempuan berkait rapat dengan gambaran Tuhan.

Dalam Kejadian 2, proses terperinci diberikan di mana Allah terlebih dahulu menciptakan Adam, diikuti dengan penciptaan Hawa sebagai penolong yang sesuai baginya. “Tuhan Allah berfirman, ‘Tidak baik manusia itu bersendirian. Aku akan menjadikan seorang penolong yang sepadan baginya.’” (Kejadian 2:18, AVB).

Penyatuan Adam dan Hawa menjadi model perkahwinan untuk seluruh umat manusia: “Sebab itu seorang lelaki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya lalu bersatu dengan isterinya, dan mereka menjadi satu daging” (Kejadian 2:24, AVB).

Yesus merujuk Kejadian 1:27 dan Kejadian 2:24 sebagai pola normatif perkahwinan (Matius 19:4-6; Markus 10:6-8).

Ayat-ayat Alkitab berikutnya melarang sebarang hubungan seksual di luar ikatan perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Ini termasuk:

- Perzinaan (adulteri) – melakukan hubungan seksual dengan lawan jenis selain pasangan anda. (Keluaran 20:14; Matius 19:18; Roma 13:9; Yakobus 2:11)
- Perzinaan (fornikasi) – melakukan hubungan seksual antara individu yang belum berkahwin (Keluaran 22:16-17; Ulangan 22:13-21, 28-29; 1 Korintus 6:18; 2 Korintus 11:2; 12:21; Galatia 5:19; Efesus 5:3; Kolose 3:5; 1 Tesalonika 4:3)
- Pelacuran – aktiviti seksual sebagai pekerjaan (1 Korintus 6:15-18)
- Sumbang mahram – hubungan seksual antara ahli keluarga atau pertalian rapat (Imamat 20:11-21; Ulangan 22:30; 1 Korintus 5:1-2)
- Bestialiti – Hubungan seksual antara manusia dan haiwan (Imamat 18:23; 20:15-16)
- Homoseksualiti – hubungan seksual antara individu dengan jantina yang sama. (Imamat 18:22; Roma 1:24-27; 1 Korintus 6:9-10)

Alkitab secara konsisten menggambarkan bahawa umat manusia terdiri daripada jantina binari (lelaki dan perempuan) dan bahawa perkahwinan adalah penyatuan antara seorang lelaki dan seorang perempuan. Termasuk jantina lain dalam Kejadian 1-2 adalah anachronistik dan eisegesis.

2. Soalan: Penolakan terhadap hubungan sesama jenis menyebabkan kerugian kepada komuniti LGBTQ. Bukankah penolakan sedemikian serupa dengan pengecualian orang bukan Yahudi oleh orang Yahudi pada masa lalu?

Kemasukan orang bukan Yahudi ke dalam gereja awal sememangnya merupakan pelajaran penting yang perlu diingati oleh orang percaya. Orang Kristian Yahudi pada masa Gereja awal bergumul untuk menerima orang bukan Yahudi ke dalam komuniti iman mereka. Dalam Kisah Para Rasul 11, Petrus mempertahankan pelayanannya kepada orang bukan Yahudi (keluarga Kornelius) dalam satu pertemuan di Yerusalem bersama orang percaya Yahudi. Dalam Kisah Para Rasul 15, gereja berhimpun di Yerusalem untuk membahaskan sama ada orang bukan Yahudi harus mematuhi Hukum Musa. Perbincangan tersebut mengingatkan bahawa keselamatan diberikan melalui kasih karunia Tuhan Yesus (Kisah Para Rasul 15:11).

Namun, orang percaya bukan Yahudi diharapkan untuk mematuhi empat perkara:

- (1) Menghindari perkara yang dicemari oleh berhala
- (2) Menghindari perbuatan seksual yang tidak bermoral
- (3) Menghindari daging haiwan yang tidak disembelih
- (4) Menghindari darah

Peraturan-peraturan ini membolehkan orang percaya bukan Yahudi mengambil bahagian dalam persekutuan dengan orang percaya Yahudi. Pada masa yang sama, orang bukan Yahudi diharapkan untuk memelihara nilai-nilai moral asas yang membezakan mereka daripada bangsa-bangsa lain.

Menjadi sebahagian daripada Gereja tidak bermaksud mereka boleh melakukan apa sahaja yang mereka inginkan. Rasul Paulus menangani isu ketidaksucian moral dalam gereja yang didominasi oleh orang bukan Yahudi (seperti gereja di Roma dan Korintus). Orang bukan Yahudi diharapkan untuk menjalani gaya hidup yang mencerminkan kehendak Tuhan bagi ciptaan-Nya. Oleh itu, Gereja menerima individu yang menghadapi pergumulan dengan tarikan sesama jenis dan membimbing mereka dalam perjalanan menuju kekudusan. Namun, pada masa yang sama, Gereja terus menyatakan bahawa kehendak Tuhan untuk hubungan seksual adalah dikhususkan bagi pasangan heteroseksual yang telah berkahwin.

3. Soalan: Alkitab sudah lapuk. Orang Yahudi dan Kristian pada abad pertama mempunyai kesedaran yang sangat terbatas atau tiada langsung mengenai orientasi seksual. Sains moden memperlihatkan kompleksiti tubuh manusia, yang menyokong penakrifan semula jantina. Mengapa kita masih berpegang pada definisi jantina menurut perspektif alkitabiah dalam dunia moden?

Alkitab ialah firman Tuhan yang berkuasa dan hidup, yang kekal selama-lamanya. “Firman Allah hidup dan berkuasa, lebih tajam daripada pedang dua mata, menembusi ke garis pemisah nyawa dan roh, sendi dan sumsum, serta mengenal antara fikiran dan niat dalam hati. Tidak ada makhluk yang terlindung daripada penglihatan-Nya. Segala-galanya terdedah dan terbuka kepada mata Allah; kepada-Nya nanti kita dipertanggungjawabkan tentang segala perlakuan kita” (Ibrani 4:12-13, AVB). Firman Tuhan tidak pernah lapuk, “tetapi firman Tuhan tetap selama-lamanya”

(1 Petrus 1:25 yang merujuk kepada Yesaya 40:8). Oleh itu, kebenaran dan prinsip alkitabiah sentiasa relevan dalam masa kini yang abadi dan akan bertahan sepanjang zaman.

Segala jenis orientasi seksual dan dosa seksual telah wujud sejak kejatuhan manusia selepas penciptaan, yang menentang reka bentuk asal Tuhan mengenai jantina dan seksualiti (Kejadian). Orang Yahudi dan Kristian pada abad pertama telah diajar perintah dan firman Tuhan, yang merangkumi jantina dan seksualiti lelaki dan perempuan seperti yang direka oleh Tuhan, pencipta umat manusia. Tarikan seksual yang bertentangan dengan perintah Tuhan adalah godaan, dan perbuatan tingkah laku seksual yang tidak bermoral adalah dosa. Alkitab mengajar kita untuk menjauhkan diri daripada ketidaksucian seksual (1 Korintus 6:18-20) dan bukannya mencari alasan untuk memuaskan kehendak tersebut.

Kerumitan tubuh manusia, seperti yang didedahkan oleh sains moden, merangkumi pelbagai jenis keabnormalan dan kecacatan biologi. Orientasi seksual atau kecenderungan serta tarikan yang tidak dapat dikawal wujud akibat sifat manusia yang telah jatuh dan dunia yang tidak sempurna tempat kita hidup. Didikan zaman kanak-kanak, trauma, dan pengalaman seksual merupakan faktor utama dalam tarikan sesama jenis serta orientasi luar kebiasaan yang lain. Penemuan saintifik moden tidak membuktikan bahawa orientasi ini bersifat semula jadi. Penakrifan semula jantina oleh sains manusia berdasarkan gangguan seksual tidak menggantikan definisi jantina menurut Alkitab yang ditetapkan oleh Tuhan (Kejadian 1-2).

4. Soalan: Sodom dan Gomora telah dihakimi kerana kesombongan, kekurangan keramahan, dan kegagalan menjaga golongan miskin. Peristiwa dalam Kejadian 19:5 adalah isu serangan seksual secara berkumpulan, bukan hubungan homoseksual yang berasaskan kasih sayang. Mengapakah naratif ini masih digunakan untuk menolak homoseksualiti?

Walaupun insiden dalam Kejadian 19 adalah percubaan serangan seksual secara berkumpulan, adegan tersebut digambarkan dengan latar belakang budaya yang sangat tidak bermoral di kota itu. Dalam Kejadian 19:4-5, dinyatakan bahawa setiap lelaki di kota itu, baik yang muda mahupun yang tua, menuntut agar kedua-dua pelawat lelaki itu keluar supaya mereka dapat “mengenalinya”. Lut segera menawarkan mereka kedua-dua anak perempuannya, yang menunjukkan bahawa beliau memahami “mengenalinya” sebagai melakukan hubungan seksual. Lelaki-lelaki di kota itu mungkin telah mengamalkan tingkah laku sesama jenis secara lazim dan berterusan. Jika tidak, sukar untuk membayangkan bahawa setiap lelaki akan menuntut hubungan seksual dengan dua pelawat yang sepenuhnya asing bagi mereka.

Penghakiman ke atas Sodom dan Gomora bukan hanya disebabkan peristiwa dalam Kejadian 19:5 semata-mata. Sebelum itu, Tuhan telah berfirman kepada Abraham, “hebat sekali jeritan terhadap Sodom dan Gomora dan dosa mereka teramat berat” (Kejadian 18:20, AVB). Akhirnya, Tuhan berjanji bahawa Dia tidak akan membinasakan kota itu sekiranya terdapat sepuluh orang yang benar. Namun, Abraham tidak dapat menemukan walaupun sepuluh orang yang benar.

Sesungguhnya, penghakiman ke atas Sodom dan Gomora bukan hanya kerana dosa homoseksual semata-mata. Mereka sombong, mementingkan diri sendiri, dan menindas serta meminggirkan golongan miskin (Yehezkiel 16:49-50). Mereka merupakan contoh individu yang melakukan perzinaan dan mengamalkan kejahatan (Yesaya 3:9; Yeremia 23:14). Namun, dosa-dosa ini tidak mengecualikan dosa hubungan seksual sesama jenis. Sodom dituduh melakukan suatu “kekejian” (*to’evah*) di hadapan Tuhan (Yehezkiel 16:50). Perkataan yang sama untuk “kekejian” digunakan bagi menggambarkan perbuatan yang dilarang, iaitu seorang lelaki “berbaring dengan lelaki seperti berbaring dengan perempuan” (Imamat 18:22; 20:13, AVB)

Dalam Perjanjian Baru, 2 Petrus 2:7-10 mendedahkan bahawa Lut “berdukacita kerana kelakuan cabul orang durjana” (ayat 7, AVB). Yudas 7 menjelaskan bahawa Sodom dan Gomora “telah melakukan pencabulan dan perbuatan sumbang. Mereka menjadi contoh orang yang mengalami seksaan hukuman api yang kekal” (AVB). Oleh itu, penghakiman ke atas Sodom dan Gomora berkaitan dengan tingkah laku sesama jenis mereka yang berleluasa.

5. Soalan: Larangan dalam Imamat 18:22 dan 20:13 hanya berkaitan dengan bangsa Israel. Ia tidak lagi dipakai oleh orang percaya dalam Perjanjian Baru. Jadi, mengapa gereja masih menegakkan hukum-hukum kuno ini?

Perjanjian Musa tidak lagi mengikat orang percaya dalam perjanjian yang baru (Galatia 3:24-25; Roma 7:1-25; Ibrani 8:13). Orang percaya berada di bawah hukum Kristus, iaitu untuk mengasihi Tuhan dan sesama manusia (Matius 22:37-39; 1 Yohanes 4:21).

Namun, hukum-hukum dalam Perjanjian Lama masih mempunyai relevansi. Yesus menegaskan bahawa Dia datang untuk menggenapi hukum-hukum tersebut (Matius 5:17) dan sering merujuk kepada mereka (contohnya, Matius 5:27-28; 15:3-6; Lukas 10:25-28). Rasul Paulus juga merujuk kepada Hukum Musa dalam seruannya untuk mendorong para percaya agar hidup dalam kehidupan yang baru (1 Korintus 9:8-9, 19-23; 14:21; 2 Korintus 8:15; 13:1; Galatia 5:14; 6:2; 5:22-23).

Hukum-hukum seperti larangan terhadap penyembahan berhala, pembunuhan, dan perzinaan tetap sah hingga kini kerana ia mencerminkan nilai-nilai kekal Tuhan. Berkenaan dengan hukum seksual, tidak semua hukum masih terpakai. Sebagai contoh, keperluan perkahwinan levirat (Ulangan 25:5-6) dan kebenaran berpoligami (Ulangan 21:15-17) tidak lagi diamalkan. Oleh itu, persoalannya ialah sama ada sesuatu hukum itu mencerminkan nilai moral sejagat yang bersifat jangka panjang.

Inilah sebab-sebab mengapa larangan terhadap hubungan sesama jenis harus dianggap sebagai tuntutan moral Tuhan bagi semua manusia pada setiap masa:

- (1) Imamat 18:22 dan 20:13 berlaku dalam konteks yang sama dengan beberapa larangan lain yang bersifat kekal sebagai tidak bermoral, seperti perzinaan, sumbang mahram, dan hubungan dengan haiwan.
- (2) Larangan tersebut ditegaskan semula dalam Perjanjian Baru (Roma 1, 1 Korintus 6, 1 Timotius 1).

- (3) Larangan dalam Imamat 18 dan 20 merupakan sebahagian daripada harapan yang konsisten terhadap etika seksual sepanjang seluruh Alkitab.
 - (4) Larangan dalam Imamat 18 dan 20 merujuk kepada aturan semula jadi dalam penciptaan. Larangan tersebut menghadkan sebarang anomali terhadap reka bentuk asal hubungan seksual, iaitu kesatuan satu daging antara seorang lelaki dan seorang wanita (bdk. Kejadian 1-2).
 - (5) Penghakiman Tuhan terhadap Sodom dan Gomora mencerminkan standar moral yang sama sebelum hukum-hukum Musa diperkenalkan.
6. Soalan: Yesus tidak pernah bersuara mengenai isu jantina. Mengapa gereja tetap bertegas dalam mendiskriminasi golongan homoseksual?

Dalam Injil Matius dan Markus, Yesus berbicara tentang perkahwinan antara seorang lelaki dan seorang wanita, yang bersifat heteroseksual. Yesus memetik daripada Kejadian (1:27; 2:24) bahawa pada mulanya, Tuhan menciptakan lelaki dan perempuan untuk bersatu, dan mereka akan menjadi satu daging serta tidak boleh dipisahkan (Matius 19:4-6; Markus 10:6-9). Yesus menegaskan bagaimana perkahwinan yang dirancang oleh Tuhan seharusnya, mengukuhkan kesatuan perjanjian antara lelaki dan perempuan sebagai satu-satunya bentuk seksualiti manusia yang diterima. Yesus tidak menyebut tentang homoseksualiti tetapi mengajar dengan otoritas dan kejelasan mengenai hubungan heteroseksual yang telah ditetapkan oleh Tuhan; tiada versi lain.

Keheningan Yesus terhadap isu jantina tidak bermaksud bahawa amalan homoseksual dibenarkan. Yesus dengan jelas melarang kekotoran seksual dan kemaksiatan (Matius 15:19-20; Markus 7:20-23). Tradisi Yahudi mengutuk perilaku homoseksual. Baik Perjanjian Lama mahupun Perjanjian Baru melarang homoseksualiti kerana ia dianggap sebagai dosa di hadapan Tuhan (Imamat 18:22; 20:13; Roma 1:26-27; 1 Korintus 6:9-10; 1 Timotius 1:9-10; Yudas 7), dan ajaran Yesus tidak akan bertentangan dengan perintah Tuhan mahupun Kitab Suci. Gereja yang menegaskan kebenaran dan kekudusan di hadapan Tuhan tidak mendiskriminasi individu yang bergumul dengan tarikan sesama jenis, tetapi menolak keinginan berdosa dan dosa seksual.

7. Soalan: Para penyokong homoseksual berpendapat bahawa Rasul Paulus tidak mengutuk orientasi homoseksual dalam kitab Roma. Sebaliknya, beliau hanya membicarakan masalah penyembahan berhala dan nafsu yang tidak terkawal. Adakah gereja telah tersalah tafsir Roma 1:26-27?

Dalam Roma 1:18-32, Paulus membicarakan masalah manusia yang “menyembunyikan kebenaran dengan kedurjanaan” (ayat 18, AVB), dan oleh itu, mereka menghadapi murka Tuhan. Manusia memilih untuk memuliakan ciptaan daripada Pencipta. Maka, Tuhan menyerahkan mereka kepada keinginan hati mereka. Paulus kemudian menyenaraikan pelbagai dosa, termasuk perilaku sesama jenis.

²⁶ Itulah sebabnya Allah membiarkan mereka didorong hawa nafsu yang keji. Kaum wanita mereka pun berpaling daripada yang tabii kepada yang di luar tabii. ²⁷ Demikian juga kaum lelaki. Mereka berpaling daripada hubungan tabii

dengan wanita dan dibakar nafsu keberahian terhadap sama sejenis. Lelaki dengan lelaki melakukan perkara yang aib, lalu menerima dalam diri mereka hukuman yang setimpal. (Roma 1:26–27, AVB)

Di sini, Paulus membentangkan hujah yang selari. Manusia telah menukar kemuliaan Pencipta yang kekal dengan imej yang menyerupai makhluk ciptaan. Manusia telah menukar kebenaran Tuhan dengan kepalsuan untuk melayani ciptaan daripada Pencipta. Dengan cara yang sama, manusia telah menukar hubungan seksual yang semula jadi dengan yang tidak semula jadi.

Hubungan seksual semula jadi merujuk kepada hubungan heteroseksual; ia adalah hubungan yang diberikan oleh Tuhan dan dilihat sebagai mulia. Sebaliknya, hubungan seksual yang tidak semula jadi merujuk kepada perilaku sesama jenis; ia bertentangan dengan tujuan Tuhan dan dilihat sebagai tidak mulia.

Konteks secara langsung dalam Roma 1 adalah jelas. Hujah Paulus berdasarkan apa yang semula jadi dan tidak semula jadi. Paulus tidak menghadkan nafsu yang tidak mulia hanya kepada mereka yang tidak berpuas hati dengan hubungan seksual semula jadi lalu terlibat dalam hubungan yang tidak semula jadi demi memenuhi keinginan mereka. Sebaliknya, Paulus menyatakan satu pertentangan terhadap kehendak Tuhan dalam hubungan seksual secara umum. Dengan kata lain, hubungan homoseksual secara kategorinya adalah berdosa.

Paulus juga tidak mencadangkan bahawa orientasi seksual seseorang menentukan hubungan yang semula jadi dan tidak semula jadi. Ia dinyatakan dengan jelas bahawa hubungan yang tidak semula jadi adalah “bertentangan dengan sifat semula jadi,” bukan “bertentangan dengan sifat semula jadi mereka.” Paulus dengan jelas menyatakan bahawa “lelaki yang melakukan perbuatan tidak senonoh dengan lelaki” adalah salah. Hubungan seksual seperti itu bercanggah dengan sifat semula jadi seksualiti yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Pernyataan Paulus selaras dengan pandangan alkitabiah mengenai seksualiti, iaitu hubungan heteroseksual.

8. Soalan: Para penyokong homoseksual berpendapat bahawa Rasul Paulus tidak mengutuk perilaku sesama jenis secara umum (1 Korintus 6:9 dan 1 Timotius 1:10). Sebaliknya, beliau mengutuk eksploitasi terhadap lelaki muda oleh lelaki yang lebih tua dalam masyarakat. Adakah gereja telah terlepas maksud sebenar Paulus?

Rasul Paulus juga menyebut perilaku homoseksual sebagai sebahagian daripada senarai dosa dalam kedua-dua petikan ini:

⁹ Kamu tentu tahu bahawa orang durjana tidak akan mewarisi kerajaan Allah. Janganlah menipu diri. Orang yang berkelakuan cabul, menyembah berhala, berzina, *bersetubuh dengan sesama jantina (oute malakoi, oute arsenokoitai)*,
¹⁰ mencuri, bersikap tamak, sering mabuk, mengumpat atau merompak — semuanya tidak akan mewarisi kerajaan Allah. (1 Korintus 6:9–10, AVB)

⁸ 'Tetapi kita tahu bahawa hukum adalah baik jika digunakan dengan betul. ⁹ Kita tahu bahawa hukum diadakan bukan untuk orang yang benar, tetapi untuk

orang yang hidup berleluasa dan ingkar, untuk orang yang tidak taat akan Allah dan yang berbuat dosa, untuk orang yang tidak salih dan yang mengutamakan dunia, untuk pembunuh ibu bapa sendiri, serta untuk semua pembunuh.¹⁰ Selain itu juga untuk pencabul, *untuk pemburit*, untuk penculik, untuk pendusta, untuk saksi palsu, dan untuk orang yang melakukan apa sahaja yang bertentangan dengan ajaran benar yang¹¹ berasaskan Injil mulia Allah Yang Terpuji. Injil inilah yang diamanahkan kepadaku untuk disampaikan. (1 Timotius 1:8–11, AVB)

Dua perkataan Yunani, *malakos* dan *arsenokoitēs*, menjadi titik perdebatan. Perkataan pertama, *malakos*, membawa maksud “lembut”. Ia sering digunakan dalam tulisan Greco-Romawi untuk merujuk kepada pasangan pasif dalam hubungan sesama jenis. Perkataan kedua, *arsenokoitēs*, merujuk kepada seorang lelaki yang melakukan hubungan seksual dengan lelaki lain.

Para penyokong homoseksual berpendapat bahawa *malakos* merujuk kepada seseorang yang kurang kawalan diri dan lemah. Ia tidak merujuk kepada hubungan sesama jenis. Manakala bagi *arsenokoitēs*, terdapat hujah bahawa perkataan tersebut biasanya digunakan dalam konteks eksploitasi seksual atau ekonomi. Oleh itu, para penyokong homoseksual mendakwa bahawa senarai dosa oleh Paulus merujuk hanya kepada lelaki yang lebih tua yang mengeksploitasi lelaki yang lebih muda. Paulus tidak mengambil kira perilaku sesama jenis secara umum. Namun, hujah seperti itu gagal mempertimbangkan Perjanjian Lama sebagai sumber penggunaan perkataan Paulus.

Penggunaan *arsenokoitēs* oleh Paulus mungkin berasal daripada LXX Imamat 18:22 dan 20:13.

²² Jangan meniduri *lelaki (arsēn)* seperti *meniduri (koitē)* perempuan; itu hal yang keji (Imamat 18:22, AVB)

¹³ Jika seseorang tidur dengan *lelaki (arsēn)* seperti *tidur (koitē)* dengan perempuan, kedua-duanya telah melakukan perkara yang keji. Mereka mesti dihukum mati; darah mereka tertanggung atas mereka sendiri (Imamat 20:13, AVB)

Istilah *arsenokoitēs* merupakan kata nama serumpun yang berasal daripada dua perkataan *arsenos koitēn*. Memandangkan Paulus membincangkan hukum dalam 1 Timotius 1:8-11, kitab Imamat mungkin menjadi latar belakang bagi penggunaan *arsenokoitēs*. Penggabungan *arsenokoitēs* dengan *malakos* merujuk kepada peranan aktif dan pasif dalam hubungan sesama jenis. Oleh itu, Paulus mengklasifikasikan hubungan sesama jenis secara umum sebagai berdosa.

Tambahan pula, Paulus boleh menggunakan istilah *paidēraistēs* sekiranya beliau hanya ingin merujuk kepada seks yang bersifat eksploitasi. Kebimbangan Paulus bukan terhadap seks yang bersifat eksploitasi semata-mata, tetapi isu yang lebih besar iaitu seks tidak semula jadi yang bertentangan dengan kehendak Tuhan.

9. Soalan: Rasul Paulus menggalakkan mereka yang mempunyai keperluan seksual untuk berkahwin. Tidakkah itu boleh diterapkan kepada mereka yang mempunyai keinginan sesama jenis untuk berkahwin dengan pasangan gay? Mewajibkan semua individu gay untuk kekal membujang bermaksud menafikan mereka anugerah Tuhan dalam bentuk hubungan seksual? Adakah salah bagi seseorang untuk mempunyai keinginan sesama jenis?

Dalam 1 Korintus 7, Paulus membincangkan isu keinginan seksual dalam konteks mengelakkan ketidakmoral seksual. Paulus dengan jelas menyatakan bahawa hubungan seks memberi manfaat kepada mereka yang telah berkahwin. Perkahwinan, menurut pandangan Paulus, adalah terhad kepada penyatuan heteroseksual.

⁸ Kepada yang belum berkahwin dan kepada wanita yang telah menjadi balu. Inilah nasihatku: Memang baik kamu terus hidup sendirian seperti aku. ⁹ Tetapi sekiranya kamu tidak dapat menahan nafsu, berkahwinlah. Ini lebih baik daripada membiarkan hawa nafsu bergelora. (1 Korintus 7:8–9, AVB)

Paulus tidak memberikan sebarang cadangan atau petunjuk bahawa seseorang yang mempunyai keinginan sesama jenis harus berkahwin. Sebaliknya, Paulus menggalakkan manfaat hidup tanpa berkahwin untuk menumpukan diri dalam melayani Tuhan (1 Korintus 7:25-35).

Berkahwin dengan pasangan sesama jenis tidak akan menyelesaikan isu bagi seseorang yang mempunyai tarikan sesama jenis. Ia hanya akan meneruskan ketidakmoral seksual kerana penyatuan homoseksual tidak menghormati kehendak Tuhan untuk perkahwinan. Berdasarkan nasihat Paulus, seseorang yang mempunyai keinginan sesama jenis harus belajar menguasai keinginan tubuhnya dan menjalani kehidupan yang dikhususkan untuk Tuhan.

Alkitab secara konsisten mengarahkan manusia untuk menjauhkan diri daripada keinginan seksual yang tidak bermoral (Keluaran 20:14, 17, Matius 5:28). Pada masa yang sama, Kitab Suci mengakui bahawa orang beriman akan menghadapi godaan akibat keinginan mereka sendiri (Yakobus 1:14). Ia adalah suatu godaan untuk mempunyai keinginan seksual terhadap mana-mana individu yang bukan pasangan suami atau isteri yang sah. Namun, individu tersebut tidak bersalah atas godaan itu sekiranya dia menolak dan menjauhkan diri daripadanya.

Orang beriman diharapkan untuk “tabah” bagi melepasi ujian dan menerima mahkota kehidupan (Yakobus 1:12). Oleh itu, orang beriman tidak seharusnya melayan sebarang dorongan berdosa (termasuk semua bentuk hubungan seksual yang dilarang) dan harus menjauhkan diri daripadanya.

Respons Pastoral

1. Apakah yang perlu dilakukan apabila seseorang datang kepada anda dan mengakui bahawa dia mempunyai tarikan sesama jenis?

Kita tidak seharusnya mengambil pendekatan yang bersifat menghakimi terhadap individu tersebut secara langsung. Semua manusia adalah sama berdosa, dan kita memerlukan kasih karunia dan rahmat Tuhan. Kita menerima individu tersebut sebagai seseorang yang dikasihi Tuhan dan yang ingin ditebus oleh-Nya (Yohanes 3:16; 2 Petrus 3:9). Kita boleh menunjukkan rasa hormat dan belas kasihan kepada individu tersebut tanpa merestui perbuatan dan tingkah laku yang bertentangan dengan ajaran Alkitab. Ia adalah penting untuk membezakan antara “tarikan sesama jenis” dan “tingkah laku sesama jenis”. Seseorang mungkin menghadapi godaan melalui tarikan sesama jenis, tetapi individu tersebut tidak bersalah jika godaan itu tidak diikuti. Kita harus mengesahkan identiti individu tersebut sebagai anak Tuhan dan bersama-sama membantu mereka untuk mengejar kehidupan yang suci dalam Yesus Kristus. Seboleh mungkin, hubungkan individu tersebut dengan sekumpulan orang yang boleh memberi sokongan.

2. Apakah yang perlu dilakukan oleh seorang pastor terhadap jemaat yang terus melakukan tingkah laku sesama jenis?

Kita harus menjelaskan bahawa keselamatan adalah berdasarkan iman kepada Yesus Kristus, tetapi mereka yang percaya kepada-Nya juga harus berusaha untuk menjalani kehidupan yang suci. Perlu diperhatikan bahawa orientasi seksual seseorang atau tarikan sesama jenis biasanya bukanlah satu pilihan. Tarikan sedemikian tidak dianggap bersalah secara moral. Tetapi, jika individu tersebut bertindak atas tarikan tersebut dengan hawa nafsu atau selanjutnya melakukan aktiviti seksual, seorang individu itu adalah bersalah secara moral. Oleh itu, individu tersebut perlu dibimbing kembali ke perjalanan menuju kesucian, bertaubat daripada tindakan berdosa, dan berusaha untuk mengatasi godaan melalui kuasa Roh Kudus. Daripada terus menghukum, kita seharusnya sentiasa menyediakan ruang yang selamat untuk pengakuan jujur dan penyembuhan. Kesabaran dalam perjalanan menuju kesucian adalah suatu proses jangka panjang.

Berikut adalah beberapa langkah umum yang boleh dipertimbangkan oleh seorang pastor dalam membantu jemaat tersebut.

1. Berjumpa dengan individu tersebut untuk membincangkan perkara-perkara tersebut secara peribadi. Kenal pasti isu-isu utama dan sediakan pengajaran serta bimbingan.
 2. Memberikan sokongan doa dan kaunseling. Hantar individu tersebut untuk kaunseling profesional.
 3. Menugaskan seorang rakan yang bertanggungjawab untuk berjalan bersama individu tersebut, memberikan sokongan rohani dan bimbingan.
 4. Menggantungkannya sementara daripada peranan kepimpinan dan pelayanan.
 5. Merangkakan pelan pemulihan yang menggariskan langkah-langkah untuk mendapatkan semula peranan pelayanan berdasarkan kemajuan rohani dan perubahan gaya hidup.
 6. Jika individu tersebut enggan bertaubat, sebuah jawatankuasa disiplin akan dibentuk, dan tindakan disiplin rasmi akan diambil seperti yang digariskan dalam perlembagaan gereja.
3. Haruskah kita berdoa untuk melepaskan “roh homoseksual”?
- Sebarang ketidakteraturan dalam ciptaan adalah hasil daripada Kejatuhan, di mana dosa merosakkan sifat indah ciptaan Tuhan. Walaupun pengaruh setan mungkin mempengaruhi aspek negatif manusia (seperti penyakit dan tingkah laku yang merosakkan), tidak semua aspek negatif disebabkan secara langsung oleh roh jahat. Dalam Alkitab, aktiviti homoseksual dikutuk sebagai aktiviti tidak bermoral yang dilakukan secara sengaja oleh individu. Terdapat dimensi rohani dalam masalah dosa dan tanggungjawab individu untuk menyesuaikan diri dengan gaya hidup yang suci. Oleh itu, tujuan utama doa adalah untuk membantu mengatasi godaan dan hidup dalam kesucian seksual. Selain doa, sokongan komuniti juga sangat penting dalam perjalanan menuju penebusan.
4. Gereja saya takut kepada individu dengan tarikan sesama jenis. Ibu bapa bimbang bahawa anak-anak mereka akan meniru gaya hidup tersebut. Jemaat saya melihat mereka sebagai pengaruh buruk. Bagaimana kita dapat membantu jemaat kita menjadi lebih ramah dan mesra?

Kita perlu mendidik jemaat kita tentang isu jantina supaya mereka dapat memberi respons kepada individu yang bergumul dengan kebijaksanaan, pertimbangan, dan kasih Tuhan. Ajarkan jemaat kita untuk berhenti melabelkan individu yang bergumul dengan tarikan sesama jenis. Kita juga perlu mempersiapkan anak-anak dan remaja kita untuk memupuk kesucian, disiplin rohani, dan kesedaran tentang isu-isu ini supaya mereka tidak keliru dengan identiti jantina mereka. Batasan yang jelas dengan pemahaman yang betul akan membantu melindungi anak-anak dan memupuk hubungan yang sihat dalam komuniti iman.

5. Bolehkah individu dengan tarikan sesama jenis melayani dalam pelayanan dan kepemimpinan gereja?

Individu dengan tarikan sesama jenis layak untuk melayani dalam pelayanan dan kepemimpinan gereja. Kita harus menggalakkan mereka untuk berkembang secara rohani dan mempersembahkan hidup mereka sebagai korban hidup kepada Tuhan dalam penyembahan rohani (Roma 12:1-2). Galakkan mereka untuk melayani secara aktif dalam pelayanan gereja mengikut bakat yang mereka miliki. Sekiranya mereka berkembang dalam kematangan rohani dan secara konsisten hidup dalam kesalehan, mereka juga layak untuk melayani dalam peranan kepemimpinan. Sokongan pasukan yang baik dan pertanggungjawaban dalam pelayanan adalah sesuatu yang baik. Walau bagaimanapun, jika mereka lemah dan tunduk kepada keinginan daging mereka (tingkah laku sesama jenis), mereka harus berhenti melayani sehingga mereka melalui disiplin dan penyembuhan sebelum dikembalikan ke dalam pelayanan.

6. Pastor, bolehkah saya berkawan dengan individu homoseksual? Haruskah kita menggalakkan golongan muda untuk bergaul dengan individu homoseksual?

Bukanlah satu masalah untuk mempunyai individu homoseksual dalam kalangan rakan kita, dan golongan muda kita akan mempunyai rakan sedemikian sama ada kita menggalakkannya atau tidak. Kedudukan permulaan kita mestilah berdasarkan empati dan kasih sayang. Kita harus mengingat belas kasihan yang telah Tuhan tunjukkan kepada kita dan meyalurkan belas kasihan serta kasih karunia yang sama kepada semua orang. Kepedulian tulen yang kita tawarkan mungkin membantu mereka membuka hati kepada karya Tuhan dalam kehidupan mereka. Walaupun kita menekankan kasih karunia dan penerimaan, kita juga harus berhati-hati agar tidak merestui gaya hidup yang berdosa.

7. Bagaimana kita memberikan penjagaan pastoral kepada individu yang telah menjalani pembedahan pertukaran jantina?

Penjagaan pastoral dan bimbingan, bersama-sama dengan sokongan profesional daripada pakar kesihatan mental dan perubatan serta kaunselor, dapat membantu individu untuk menyelaraskan semula dengan jantina asal mereka seperti yang dimaksudkan oleh Tuhan. Proses ini mungkin melibatkan kaunseling, psikoterapi, dan, jika individu tersebut memilih, pembedahan pembetulan untuk menyelaraskan dengan reka bentuk asal Tuhan. Selepas kembali kepada jantina asal mereka, individu masih boleh melaksanakan perkahwinan. Dalam kes di mana penyelarasan semula tidak dapat dilaksanakan, memilih kehidupan membujur mungkin menjadi pilihan terbaik, membolehkan mereka menjalani kehidupan Kristian yang bermakna sebagai anak Tuhan. Melalui pertaubatan dan mencari pengampunan Tuhan atas keputusan-keputusan masa lalu, individu dapat menerima kasih karunia Tuhan dan merangkul kehidupan baru dalam Kristus, menjadi anak-anak Tuhan yang dikasihi. Gereja harus menyediakan sokongan pastoral yang berterusan, termasuk kaunseling, doa, dan bantuan komuniti, untuk membantu individu menjalani perjalanan mereka dan membina kehidupan yang bermakna.

8. Bagaimana kita menjaga individu interseks (lahir dengan kedua-dua organ seksual lelaki dan wanita)? Bolehkah mereka memilih jantina dan berkahwin?

Apabila seseorang dilahirkan dengan kedua-dua organ seksual lelaki dan wanita (kekaburan biologi pada alat kelamin atau organ pembiakan individu, atau dalam kes yang lebih jarang lagi, kromosom mereka), sains perubatan menunjukkan bahawa sering terdapat satu jantina yang lebih dominan dalam susunan biologi mereka. Berdasarkan jantina dominan mereka, serta sokongan nasihat perubatan, kaunseling atau bimbingan psikologi, dan panduan rohani, individu tersebut boleh memilih untuk menjalani pembedahan pembetulan bagi menyelaraskan tubuh fizikal mereka dengan jantina yang dikenal pasti. Ini membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sihat dan bermakna, termasuk potensi perkahwinan pada masa hadapan.

9. Adakah terdapat mana-mana kumpulan sokongan yang boleh saya rujuk?

Jika individu tersebut ingin mendapatkan bantuan, rujuk mereka kepada kaunselor Kristian profesional untuk isu jantina, seperti pelayanan PLUC (Pursuing Liberty Under Christ).

Respons Missional

1. Bagaimana kita berkongsi Injil dengan individu yang mengamalkan homoseksualiti?

Kita perlu berkongsi Injil dengan individu tersebut, kerana semua telah berdosa dan kehilangan kemuliaan Tuhan. Kita menjelaskan bahawa keselamatan melalui darah Yesus adalah anugerah kasih karunia dan penebusan daripada Tuhan yang diterima melalui iman kepada Kristus (Roma 3:23-25). Kita tidak seharusnya terlalu menumpukan perhatian kepada dosa homoseksualiti dalam perbualan tersebut. Injil harus berpusat kepada Yesus Kristus dan karya penebusan-Nya.

2. Bagaimana kita mendisiplinkan seorang percaya yang bergumul dengan tarikan sesama jantina?

Kita boleh menjemput individu tersebut untuk menyertai Kelas Alkitab secara berkala (dasar) bagi mengenali Tuhan dan firman-Nya serta berkembang secara rohani (Filipi 3:8-11; 1 Yohanes 2:3, 5:20; 2 Petrus 3:18). Seorang mentor yang sesuai boleh ditugaskan untuk mendisiplinkan individu tersebut dalam kehidupan yang berlandaskan kehendak Tuhan. Selain itu, melibatkan individu tersebut dalam pelayanan kepada Tuhan dan misi-Nya melalui kehidupan sebagai saksi dan memberi kesaksian yang dikuasakan oleh Roh Kudus (Kisah Para Rasul 1:8). Ia amat membantu bagi individu tersebut untuk mencari kumpulan sokongan sebagai rakan yang dipertanggungjawabkan dalam pergumulan mengatasi tarikan sesama jantina.

3. Apakah matlamat bagi individu yang bergumul dengan tarikan sesama jantina dalam perjalanan rohani mereka?

Matlamat kehidupan Kristian kita adalah untuk menjadi seperti Yesus Kristus, hidup di bawah bimbingan Roh Kudus. Mereka yang mengalami tarikan sesama jantina hendaklah mengejar kehidupan yang kudus, sama seperti orang percaya yang lain. Perkahwinan bukanlah matlamat, kerana tidak semua orang, termasuk orang percaya heteroseksual, diharapkan untuk berkahwin. Perubahan orientasi seksual sepenuhnya juga bukanlah matlamat, kerana sesetengah individu mungkin terus bergumul dengan tarikan sesama jantina sepanjang hayat. Dalam perjalanan pemuridan, kita tidak seharusnya terlalu memberi tumpuan kepada tarikan sesama jantina tanpa mengambil kira kelemahan-kelemahan lain.

4. Bagaimanakah kita boleh menubuhkan sistem sokongan bagi individu yang bergumul dengan tarikan sesama jantina?

Gereja boleh mempertimbangkan untuk menubuhkan kumpulan sokongan kecil bagi orang percaya untuk berjalan bersama dalam perjalanan mereka. PLUC menawarkan latihan dan sokongan untuk menubuhkan kumpulan sedemikian di gereja-gereja tempatan. Walau bagaimanapun, bagi isu-isu yang lebih rumit, adalah lebih baik merujuk mereka kepada kaunselor Kristian profesional atau terus kepada PLUC.